

KERATAN AKHBAR

KPLB sasar guru Tabika Kemas miliki ijazah

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) berhasrat meningkatkan profesionalisme bagi guru atau Pemaju Masyarakat di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) daripada kelayakan diploma kepada ijazah sarjana muda.

Menyerahnya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, ia salah satu strategi di bawah Pelan Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PKPPAK) 2020-2030).

Katanya, terdapat kira-kira 70 peratus atau 9,387 daripada 11,196 orang guru memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

"Sepanjang tempoh 2019 hingga 2023, kementerian menyasarkan seramai 835 orang mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

"Itu sasaran bagi tempoh 10 tahun (memastikan guru Tabika Kemas memiliki ijazah sarjana muda) tetapi untuk bergerak ke arah itu kita kena pastikan semua guru memiliki diploma," katanya ketika ber-



Rina (dua dari kanan) selepas merasmikan Program Kemas TaLK 2019 Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kemas di ibu negara semalam.

ucap merasmikan Program Kemas TaLK 2019 Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kemas dan Pelancaran Pelan Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2020-2030 di sini semalam.

Beliau berkata, peningkatan profesionalisme yang dirancang itu melibatkan Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM), Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarelawan (PPMS) dan jurulatih.

"Dalam tempoh 10 tahun antara tindakan yang dirancang dalam PKPPAK ialah mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidma-

tan Awam untuk jawatan tetap bagi Pembantu Masyarakat, PPM dan menaiktaraf PPMS kepada perjawatan tetap," katanya.

Mengulas mengenai PKPPAK, Rina berkata, ia hasil usaha kementerian dengan kerjasama kajian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak 2018.

"Ada sembilan strategi menambah baik sistem pengajaran dan pembelajaran di Tabika Kemas.

"Ada dinyatakan bagaimana usaha kita meningkatkan komitmen ibu bapa dan memastikan program berjaya," katanya.